

NOTIS PEMAKLUMAN

Bermula 1 Mac 2023, permohonan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing Di Bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 bagi kategori Pegawai Dagang (PDG) dan Pertukaran Majikan (PTM) adalah menerusi Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) di pautan www.eppax.gov.my/eppax.

Untuk fasa peralihan ini, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) masih menerima dan akan memproses permohonan PDG dan PTM yang diterima menerusi kaedah lama sehingga 15 Mac 2023. Mana-mana permohonan yang diterima menerusi kaedah lama selepas tarikh tersebut tidak akan diproses dan akan terbatal dengan sendirinya.

Pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan terus kepada Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) atau menerusi modul Meja Bantu di Sistem ePPAx menerusi pautan <https://www.eppax.gov.my/eppax/public/penggunaBuatAduan>.

Proses kerja permohonan seperti di [lampiran](#).

**Bahagian Pekerja Asing
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)**